

1UMP 1Media 1Strike erat hubungan dengan media

Seramai 80 peserta di kalangan pengamal media, wakil pengurusan dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai pertandingan boling persahabatan dengan tema '1UMP 1Media 1Strike' di Premium Lane, Kuantan Plaza, Kuantan pada 29 April 2011 yang lalu.

Penganjuran kali keempat ini menyaksikan 20 kumpulan media dan UMP bertanding menunjukkan bakat masing-masing bagi merebut kategori jatuhan pin terbanyak bagi individu lelaki dan wanita, kategori kumpulan terbaik, kumpulan paling ceria dan juara jatuhan pin terendah bagi individu lelaki dan wanita.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang hadir menyertai pertandingan ini mengharapkan agar hubungan baik antara kedua-dua belah pihak dapat dikekalkan serta dipertingkatkan pada masa depan.

Sementara itu, Pengerusi Kelab Media Pahang, Nik Naizi Hussin berkata, pihaknya sentiasa menyokong usaha murni UMP dalam mengadakan aktiviti bersama yang dapat membawa manfaat

kepada kedua-dua pihak.

Dalam majlis ini, juara individu lelaki dimenangi wakil Utusan, Hanapi yang mendapat jatuhan pin tertinggi dengan 491 mata. Pemenang bagi individu wanita pula dimenangi wakil RTM, Norrijhan dengan mata 449. Kedua-duanya membawa pulang trofi dan hadiah iringan.

Menjuarai kumpulan terbaik dimenangi Kumpulan 9 yang terdiri daripada Haji Mustafa Kamal (RTM), Fauzi Hamid (NSTP), Nik Naizi Hussin (Star) dan Iskandar (Utusan). Kumpulan ini juga membawa pulang piala pusingan yang baharu diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun ini.

Manakala, kumpulan yang dianggotai Haji Rosdi Mohamed (UMP), Au Yong (China Press), Hamzah (NSTP) dan Nasrun (UMP) menang kategori kumpulan paling ceria.

Kemeriahan turut dirasakan apabila semua peserta yang hadir berjaya membawa pulang cenderahati dan hadiah cabutan bertuah di samping dapat merapatkan silaturahim yang sedia terbina sebelum ini.

